

# PM arah BPR siasat Mohd. Said, dihadap ke mesyuarat Whip

Oleh LUKMAN ISMAIL

UM - 12/05/06

**Saya sebagai Ketua Parlimen akan hadir untuk mendengar daripada Mohd. Said perkara yang perlu kami soalkan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

diri sudah nyatakan rela disiasat. Jadi kita bukan ambil tindakan begitu saja.

"Kalau ada sebab-sebab yang boleh kita ambil tindakan, apa juga maka kita akan ambil tindakan. Kita ada kuasa undang-undang yang perlu diikuti," katanya.

Kes Mohd. Said mendapat perhatian apabila beliau dilaporkan meminta pegawai Kastam Diraja Malaysia supaya 'menutup sebelah mata' dan tidak merampas kayu bergergaji yang diimport dari Indonesia, walaupun ia tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan pihak berkuasa.

Mohd. Said sebelum ini berulang kali menegaskan bahawa tindakannya berhubung kes tersebut

■ Lihat muka 2

sebut yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Datuk Seri Najib Tun Razak (selaku Ketua Whip) sudah setuju hendak hadapkan dulu (Mohd. Said) ke satu mesyuarat yang akan diadakan melibatkan Ketua Whip dan penolong-penolong Whip.

"Saya sebagai Ketua Parlimen akan hadir untuk mendengar daripada Mohd. Said sendiri tentang perkara yang perlu kami soalkan," kata beliau.

Abdullah berkata demikian ke-

pada pemberita selepas menyaksikan drama muzikal 'Balada Sang Adiputera' sempena sambutan Ulang Tahun UMNO ke-60 di Stadium Bandaraya, di sini.

Perdana Menteri juga akan membenarkan BPR untuk menjalankan siasatan berhubung kes tersebut.

"Pilihan kedua untuk memanggil BPR siasat kes itu adalah terbuka pada masa ini.

"Kita perlu pastikan apa yg berlaku. Beliau (Mohd. Said) sen-

## PM arah BPR siasat Mohd. Said, dihadap ke mesyuarat Whip

UM - 12/05/06

dibuat atas dasar menjalankan tanggungjawabnya sebagai anggota Parlimen untuk membantu syarikat Bumiputera dan beliau juga menafikan mempunyai sebarang kepentingan dalam syarikat terbabit.

Bagaimanapun, semalam beliau mengakui bahawa syarikat Binyu Sof Enterprise, agensi perkapalan dan penghantaran import kayu bergergaji dari Indonesia yang dirampas oleh KDRM baru-baru ini, dimilikinya.

Menurutnya syarikat terbabit merupakan ejen perkapalan dan penghantaran bagi import kayu bergergaji di pelabuhan barter Sungai Rambai dan Kuala Linggi.

Ekoran isu itu juga, Datuk Shahrir Samad meletakkan jawatan selaku Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC), kerana melanggar prinsip parti setelah menyokong usul DAP untuk membawa dakwaan salah laku seorang Ahli Parlimen (Mohd. Said) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen.

Usul itu dicadangkan kerana me-

nyifatkan tindakan Mohd. Said itu sebagai satu kesalahan dengan menggunakan kuasa untuk menghalang Kastam menjalankan tugas.

Dalam perkembangan lain, Abdullah memberitahu, beliau berpuas hati dengan sambutan Ulang Tahun UMNO ke-60 yang diadakan di negeri ini dan mengucapkan tahniah kepada Badan Perhubungan UMNO Johor atas persediaan yang dibuat.

"Memperingati perjuangan UMNO sebenarnya ialah satu cara memberi kita semangat dan inspirasi. Maka dengan adanya sambutan yang begitu ramai (hari ini) menandakan kita memang sayangkan UMNO.

"Kita mahukan UMNO terus jadi parti politik yang dipercayai. Sokongan dari ahli parti sangat penting," katanya.

Sementara itu, Mohd. Said ketika dihubungi enggan mengulas arahan Perdana Menteri itu.

"Saya tak nak komen apa-apa supaya tidak mengganggu siasatan," katanya.